

22 MAY 1996

Anwar - Banks

MALAYSIA DAN CHINA SETUJU MEMUDAHKAN OPERASI BANK

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Malaysia dan China bersetuju untuk memudahkan operasi perbankan bagi mempertingkatkan hubungan perdagangan antara kedua-dua negara, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim malam ini.

Ketika berucap pada jamuan malam bagi meraikan Naib Perdana Menteri China Zhu Rongji di Carcosa Seri Negara di sini, Anwar berkata Malaysia bersetuju untuk memberi kemudahan kepada anak syarikat Bank of China beroperasi di Kuala Lumpur, dan kerajaan China sebaliknya bersetuju membenarkan Malayan Banking dan perbadanan perbankan lain untuk beroperasi di China.

Isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan isteri Naib Perdana Menteri China Madam Lao An menghadiri jamuan itu.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri Ong Ka Ting yang juga Menteri Pengiring, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh dan usahawan tempatan.

Anwar berkata hubungan perniagaan dan diplomatik antara Malaysia dan China yang bermula 20 tahun lepas dipertingkatkan lagi pada 1985 apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir melawat negara itu yang mana pada waktu itu perdagangan dua hala ialah RM1,200 juta.

Beliau berkata perdagangan Malaysia pada tahun lepas dengan China ialah RM9,210 juta yang merupakan 24 peratus daripada perdagangan dunia Malaysia.

"China pada masa kini ialah rakan perdagangan ke-10 Malaysia," katanya.

Anwar berkata pelaburan Malaysia di China adalah digalakkan secara aktif oleh minat mendalam di kalangan usahawan China untuk melabur di sini.

Beliau berkata bagi mempertingkatkan lagi perdagangan, kedua-dua negara juga bersetuju untuk membincangkan perkara berhubung insentif percukaian dan kemudahan kredit.

Dalam ucapannya, Zhu berkata Malaysia, di bawah kepimpinan Dr Mahathir, telah menawan kepercayaan rakyat di China berikutan pendirian tegasnya mengenai isu-isu antarabangsa terutama dalam menyokong negara berhubung persoalan hak asasi manusia.

"Kami menyokong peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam memelihara kestabilan dan keamanan dunia," katanya.

Beliau berkata pada pandangan jauh kepimpinan kedua-dua negara, hubungan antara China dan Malaysia adalah pada peringkat terbaik.

"Pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara, kira-kira 8 peratus, boleh bergerak pantas jika kita boleh belajar antara satu sama lain," katanya. --

BERNAMA

AKT CR